

## Harga petrol RON97 turun 11 sen seliter

**Putrajaya:** Harga runcit petrol RON97 turun 11 sen seliter, daripada RM2.67 kepada RM2.56 manakala, RON95 dan diesel, masing-masing kekal pada paras RM2.08 seliter dan RM2.18 seliter berkuat kuasa jam 12 tengah malam tadi.

Kementerian Kewangan memaklumkan harga runcit produk petroleum itu bagi tempoh sehingga Jumaat ini, berdasarkan penepatan harga runcit produk petroleum secara mingguan menggunakan formula Mekanisme Harga Automatik (APM).

"Berdasarkan pengiraan di bawah formula APM, harga runcit produk petrol RON95 dan diesel bagi tempoh yang sama masing-masing sepatutnya RM2.26 seliter dan RM2.31 seliter.

"Ini menunjukkan penurunan dari minggu lalu yang mana harga runcit produk petrol RON95 berada pada paras RM2.37 seliter dan diesel pada RM2.37 seliter," katanya.

Bagaimanapun, harga runcit bagi kedua-dua produk dikekalkan pada paras RM2.08 seliter dan RM2.18 seliter selaras keputusan kerajaan untuk menstabilkan harga runcit bagi produk petroleum dan menjaga kesejahteraan ekonomi rakyat.

Menurut kenyataan itu, anggaran subsidi yang perlu ditanggung oleh kerajaan bagi tempoh 27 Julai hingga 2 Ogos berjumlah RM90.48 juta.

